

## **Tiga lelaki disyaki terlibat dadah diberkas**

September 9, 2015, Wednesday

MIRI: Tiga lelaki disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah berjaya diberkas polis pagi semalam.

Tangkapan ke atas mereka dibuat hasil serbuan polis sebuah rumah di kawasan Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini.

Menurut sumber, bertindak atas maklumat sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman membuat serbuan ke sebuah rumah di tingkat bawah sebuah Quadruplex, Bandar Baru Permyjaya di sini.

Dalam serbuan sekitar jam 10.15 pagi itu, polis menahan tiga lelaki untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Hasil pemeriksaan, polis tidak menjumpai apa-apa barang menyalahi undang-undang.

Berikutan itu, mereka dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian saringan awal air kencing dan hasilnya mendapati ketiga-tiga mereka positif dadah jenis amphetamine.

Sehubungan itu, ketiga-tiga suspek berusia 44, 47 serta 29 tahun masing-masing dari Pujut 1, Desa Indah 3 di sini serta Skim Malugu, Sri Aman ditangkap bagi membantu siasatan polis mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.